

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KE-14**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATIN PADUKA DR. TAN YEE KEW  
[WANGSA MAJU]**

**TARIKH : 25 NOVEMBER 2020 (RABU)**

**SOALAN**

**DATIN PADUKA DR. TAN YEE KEW [ WANGSA MAJU ] minta  
MENTERI KEWANGAN menyatakan :-**

- (a) apakah langkah Kerajaan untuk mengukuh dan menstabilkan ekonomi negara memandangkan ekonomi global mengalami kemelesetan paling teruk akibat gelombang ketiga pandemik COVID-19 ; dan
- (b) senaraikan jumlah peruntukan yang telah disalurkan bagi setiap kategori pakej yang bertujuan merangsang ekonomi.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

1. Dalam menangani krisis berikutan pandemik COVID-19, Kerajaan telah menggunakan pendekatan 6R yang bertujuan menyelamat nyawa, melindungi pekerjaan dan meningkatkan daya tahan ekonomi. Kerajaan telah mengambil langkah proaktif dengan memperkenalkan Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN), Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) dan Kerangka Inisiatif Tambahan Prihatin (KITA PRIHATIN) yang berjumlah RM305 bilion untuk menyokong isi rumah dan perniagaan serta memulihkan ekonomi. Sehingga 6 November

2020, daripada RM260 bilion yang diperuntukkan bagi PRIHATIN, sebanyak RM154.8 bilion atau 60 peratus telah dibelanjakan. Manakala daripada RM35 bilion yang diperuntukkan bagi PENJANA, sebanyak RM14.1 bilion atau 40 peratus telah dibelanjakan. Di samping itu, daripada RM10 bilion yang diperuntukkan bagi KITA PRIHATIN, sebanyak RM4.9 bilion atau 49 peratus telah dibelanjakan.

2. Berikutan dari pelaksanaan pakej rangsangan dan pembukaan semula ekonomi, ekonomi Malaysia mencatat penguncupan yang lebih kecil sebanyak 2.7 peratus pada suku ketiga 2020 berbanding negatif 17.1 peratus pada suku tahunan sebelumnya terutamanya disokong oleh aktiviti ekonomi negara yang kembali beroperasi sejak pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihian (PKPP) dan prestasi eksport bersih yang bertambah baik. Secara keseluruhan, semua sektor ekonomi mengalami penguncupan kecuali sektor pembuatan yang mencatatkan pemulihan dan melonjak kepada 3.3 peratus pada suku ketiga 2020 berbanding penurunan dua digit 18.3 peratus yang direkodkan pada suku tahunan sebelumnya dipacu oleh industri berorientasikan eksport. Selari dengan sektor ekonomi yang kembali beroperasi, kadar pengangguran turun kepada 4.7 peratus pada suku ketiga tahun ini berbanding 5.1 peratus pada suku tahunan sebelumnya.
3. Gelombang ketiga pandemik COVID-19 yang melanda ekonomi global termasuk Malaysia dijangka memberi impak yang minima terhadap ekonomi negara. Pelaksanaan langkah pakej rangsangan ekonomi yang masih diteruskan seperti pindahan tunai Bantuan Prihatin Nasional 2.0, pengeluaran i-Lestari dan i-Sinar KWSP, moratorium pinjaman secara bersasar dan Program Subsidi Upah 2.0 akan menyokong perbelanjaan pengguna dan pihak swasta serta mengimbangi penguncupan ekonomi negara secara keseluruhan pada 2020. Seperti yang diumumkan semasa pembentangan Belanjawan 2021, ekonomi Malaysia bagi tahun 2020 dianggar menguncup sebanyak 4.5 peratus sebelum kembali pulih dan berkembang antara 6.5 peratus hingga 7.5 peratus pada tahun 2021.

4. Ekonomi negara dijangka bertambah baik dan kembali pulih pada 2021 berikutan tindak balas proaktif Kerajaan dalam menangani krisis ekonomi serta jangkaan pengkomersialan vaksin COVID-19 yang lebih cepat akan memberi kesan positif terhadap pertumbuhan ekonomi global. Dari sudut penawaran, kesemua sektor utama ekonomi negara diunjur kembali berkembang diterajui oleh sektor perkhidmatan dan pembuatan. Sektor perkhidmatan diunjur meningkat 7 peratus disokong oleh subsektor perdagangan borong dan runcit; maklumat dan komunikasi; kewangan dan insurans; dan aktiviti berkaitan pelancongan manakala sektor pembuatan dijangka berkembang sebanyak 7 peratus didorong oleh peningkatan berterusan dalam industri berorientasikan eksport dan domestik.
5. Dari sudut permintaan, perbelanjaan swasta akan terus menerajui pertumbuhan. Penggunaan swasta diunjur kembali pulih sebanyak 7.1 peratus disokong oleh pendapatan boleh guna yang lebih tinggi serta prospek pekerjaan yang lebih baik berikutan ekonomi beroperasi dalam guna tenaga penuh. Pelaburan swasta turut dijangka kembali pulih sebanyak 6.7 peratus didorong oleh penerusan projek utama infrastruktur dan peningkatan pelaburan terutamanya dalam sektor pembuatan berikutan peningkatan dalam perdagangan global. Sektor awam akan terus memainkan peranan sebagai fasilitator melalui pelaksanaan pelbagai inisiatif untuk merancak dan mencergaskan aktiviti perniagaan seperti penubuhan dana untuk menyokong pendigitalan terutamanya kepada PKS serta inisiatif MalaysiaMudah (#MyMudah) dan penubuhan Unit Penyelaras dan Kemajuan Projek (PACU) bagi memudah cara operasi perniagaan dan memacu aktiviti pelaburan swasta.
6. Kerajaan terus komited untuk memulih dan merancakkan semula pertumbuhan ekonomi demi memperkuuh daya tahan negara dalam mendepani sebarang bentuk krisis. Kesemua inisiatif dan program yang telah diumumkan menerusi pakej rangsangan ekonomi serta Belanjawan 2021 dijangka dapat memastikan pertumbuhan ekonomi yang lebih mampan demi meningkatkan kesejahteraan rakyat.

Sekian, terima kasih.